

Langkah bijak buah hasil

Emasuriani tanggung belanja perubatan arwah ayah dengan edar Tupperware Brands

FOTO | Supian Ahmad



>>Oleh Rosmaliana Aida Mohd Adnan
rosmaliana@hmetro.com.my

ANTARAN desakan hidup bagi mendapatkan perbelanjaan tambahan untuk kos perubatan ayah tercinta yang menghidap barah pada 2007, itu kali pertama dia membabitkan diri dengan Tupperware Brands.

Sebagai suri rumah sepenuh masa waktu itu, Emasuriani Zainal Abidin, 44, sememangnya tidak mampu memberikan bantuan diperlukan kerana dia sendiri hanya bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami.

Tapi, nekad untuk tidak membebaskan suami dengan masalah itu, dia mula mengorak langkah dengan menceburi bidang jualan langsung Tupperware Brands.

"Seboleholehnya saya tidak mahu meminta daripada suami kerana mengetahui dia juga sudah memikul pelbagai bebanan dengan segala bayaran bil dan perbelanjaan harian rumah.

"Jika boleh, biarlah saya mencari jalan lain untuk memperoleh sumber

kewangan bagi menampung kos perubatan ayah dengan usaha sendiri," katanya.

Bagaimanapun, dia cukup bernasib baik kerana usahanya menyertai Tupperware Brands tidak sia-sia. Ini kerana sepanjang sembilan bulan menjaga ayahnya, segala kos perubatan yang diperlukan dibiayai dengan hasil jualan produk berkenaan.

Sungguhpun hanya mampu menjaga ayah selama sembilan bulan saja sebelum dia meninggal dunia pada tahun yang sama, sedikit sebanyak ia membantu meringankan bebannya.

"Saya berasa sangat bertuah kerana mampu untuk menyediakan segala keperluan ayah seperti ubat-ubatan dan lampin pakai buang hasil usaha sendiri tanpa perlu meminta daripada sesiapa pun.

"Ia memberikan saya tekad untuk meningkatkan usaha bagi mencapai atau menikmati hasil seperti yang diperkatakan sebelum ini," katanya.

Malah, selepas empat tahun menceburi bidang itu, kini dia mampu menarik nafas lega apabila mampu untuk membantu suaminya menyediakan perbelanjaan harian keluarga hasil jualan produk jenama terbabit.



BAHAGIA... Emasuriani (tengah) bantu suami sediakan perbelanjaan keluarga menerusi perniagaan Tupperware Brands.

Katanya, dengan keadaan suaminya yang tidak bekerja selepas dibuang kerja awal tahun ini, pendapatan yang diperolehi melalui jualan Tupperware Brands ini sangat membantu.

"Saya reda dan sangat bersyukur dengan apa yang berlaku kerana sungguhpun mengalami kepayahan dan kesusahannya, masih ada tempat untuk bergantung.

"Saya juga pernah terfikir, jika tidak membabitkan diri dengan Tupperware sebelum ini, saya tidak pasti apa yang akan terjadi kepada nasib kami sekeluarga kini," katanya.

Ibu kepada tiga anak remaja itu memang tidak pernah menyangka kehidupannya akan berubah sama sekali selepas membabitkan diri dengan bidang jualan langsung ini.

Baginya, apa yang penting adalah jangan malu untuk mencuba kerana seper-

ti yang diketahui bidang jualan langsung memberikan banyak pengalaman, biarpun ada kalanya pengalaman itu menyakitkan.

Katanya, jangan mepedulikan segala yang berlaku di persekitaran sekiranya apa yang dilakukan ikhlas demi mencari sesuap nasi untuk anak-anak dan keluarga. Apa yang penting fokus dan jalankan perniagaan dengan amanah.

"Sebagai ibu, pembahagian masa antara berniaga dan keluarga amat penting tambahan lagi dengan anak-anak yang sedang membesar dan mereka pastinya memerlukan perhatian lebih.

"Tapi, saya amat berterima kasih dan bersyukur kerana memperoleh anak-anak yang amat memahami kepayahan ibunya bagi mendapatkan sumber kewangan demi membantu meringankan beban keluarga," katanya.

Menurutnya, pahit maung

dalam menjalankan perniagaan memang ada dan setiap orang pasti akan merasainya cuma apa yang berbeza adalah cara mengendalikannya.

"Siapa tidak pernah tertipu? Saya turut mengalaminya ketika mula-mula berniaga dulu, ada pelanggan yang terus menyepikan diri selepas memperoleh barang tanpa menjelaskan bayaran sepatutnya.

"Tapi, saya tidak pernah menjadikannya sebagai alasan untuk kecewa dan berundur daripada bidang ini sebaliknya segala kejadian itu saya jadikan sebagai ingatan untuk tidak terkena lagi pada masa akan datang," katanya.



EMASURIANI (INSPIRA03)... jangan patah semangat jika ingin berjaya.

Selain mengedarkan risalah mengenai barangan Tupperware Brands, Emasuriani turut menggunakan kemudahan teknologi terkini untuk menambahkan bilangan pelanggannya.

"Saya turut menggunakan laman sosial Facebook sebagai tempat untuk memperkenalkan barangan terbaru Tupperware Brands selain menambah rakan dan berinteraksi sesama rakan pengedar sendiri.

"Walaupun penggunaan teknologi ini lebih mudah, ia tetap tidak dapat menyamai proses mendekati pelanggan secara bersemuka. Bagi saya ia lebih praktikal dan lebih meyakinkan," katanya.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman, e-mel kami di myinspira@tupperware.com untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini mejadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah Elegancia Bowl 3.2L (gambar di bawah) bernilai RM102.00



UNDI & MENANG

Sila taip

<tupperware><jarak><anugerah><jarak>

<inspira03><jarak><nama anda><jarak><negeri anda>
hantar sms ke 32300.

Cth: tupperware anugerah inspira03 Anita Sofia Selangor.

RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tingkatkan taraf hidup anda dengan Tupperware Brands
Memperkayakan • Mendidik • Menceriakan

Sertailah ribuan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands.
Tel: 1 800 88 3456
www.tupperwarebrands.com.my